

## CBCM lancar bantuan kecemasan Myanmar April 26-Mei 31

KUCHING: Sebagai tindak balas kepada gempa bumi yang melanda Myanmar dan Thailand baru-baru ini, yang meragut beribu-ribu nyawa, Konferensi para Uskup Malaysia (CBCM) telah melancarkan rayuan kemanusiaan di seluruh negara yang menyeru semua umat Katolik di Malaysia untuk memberi tindak balas dengan doa, belas kasihan dan kemurahan hati.

Dalam mesej tulus yang dikeluarkan pada Hari Minggu Palma, Uskup Agung Simon Poh, presiden CBCM, menyatakan kesedihan atas kemusnahan yang disebabkan oleh gempa bumi, terutama di Myanmar, di mana banyak paroki dan mision Katolik telah



mengalami kerosakan teruk. "Dalam menghadapi penderitaan dan kehancuran, kami, Gereja di Malaysia, dipanggil untuk bertindak balas — bukan hanya dengan belas kasihan dan doa tetapi dengan tindakan perpaduan dan harapan yang konkrit," tulis Uskup Agung Simon.

"Marilah kita menyatukan hati kita dengan rakyat Myanmar dan Thailand pada masa yang menyakitkan ini."

Rayuan kemanusiaan akan berlangsung pada **April 26 hingga Mei 31** dan terdapat pelbagai cara untuk menyalurkan bantuan:

**1. Kolekte Khas Kedua** diadakan semasa Misa pada Hari Minggu Kerahiman Ilahi (April 26-27) di semua paroki di seluruh

negara.

**2. Derma berterusan:** Derma Tunai: Boleh diserahkan di mana-mana pejabat paroki dan akan menghantarnya ke Caritas Malaysia.

**Transaksi dalam talian:** Nama Akaun: Caritas Malaysia (RHB Bank No Akaun: 20708200054188

Ruj: CaritasMy Myanmar Relief dan e-mel slip pembayaran ke: [info@caritas.org.my](mailto:info@caritas.org.my)

**Kod QR** untuk pemindahan cepat dalam talian juga tersedia.

Semua dana akan diuruskan oleh Caritas Malaysia, badan amal rasmi CBCM dan se-

mua bantuan disalurkan ke pusat tempatan yang dipercayai demi pembaikan semula jangka panjang dalam kalangan masyarakat yang paling terjejas dan terdedah.

**Panggilan untuk Berdoa dan Perpaduan** Para Uskup Katolik Malaysia juga menggesa semua orang Katolik untuk berjalan bersama dengan mereka yang terjejas.

"Marilah kita, sebagai penziarah harapan, membawa cahaya Kristus kepada mereka dalam kegelapan," kata Uskup Agung Simon.

"Semoga bantuan daripada kita menjadi saksi hidup rahmat Bapa Syurgawi kita dan dalam kesatuan tubuh Kristus," ucap Uskup Agung Simon Poh.



# Pikulullah salib dan berjalan dengan mereka yang menderita

**TAKHTA SUCI:** Memikul salib bukan setakat memikul penderitaan peribadi - ini bermakna melangkah bersama mereka yang menderita, tulis Sri Paus Fransiskus pada permulaan minggu Suci.

"Memikul salib Kristus bukan tindakan yang sia-sia," tulisnya dalam homili Misa Hari Minggu Palma di Dataran Sto Petrus, April 13. "Memikul salib ialah cara yang paling konkrit bagi kita untuk berbahagi dalam kasih penebusan-Nya."

Sri Paus, yang masih dalam pemulihan akibat jangkitan pernafasan, hanya muncul sebentar di dataran pada akhir Misa, namun homilinya dibacakan oleh Kardinal Leonardo Sandri dari Argentina, wakil ketua Dewan Kardinal, yang juga pemimpin Misa Kudus.

"Pada Hari Minggu Palma, kita mengingati orang ramai yang menyambut Yesus dengan sukacita kegembiraan ketika Dia memasuki Yerusalem, dan kemudian, beberapa hari kemudian, Yesus akan meninggalkan kota itu dengan kutukan, menanggung salib di jalan penderitaan dan kesedihan," ujar Kardinal Leonardo yang membaca homili Sri Paus Fransiskus.

Teks homili Sri Paus mengajak para hadirin untuk merenung tentang seorang individu bernama Simon dari Kirene, yang dipaksa oleh tentera Roma untuk memikul salib Yesus.

"Salib Yesus menjadi salib Simon," katanya seraya mengatakan tindakan Simon kelihatan terpaksa, meskipun Simon tidak bercakap,



Suasana Hari Minggu Palma di Dataran Sto Petrus pada April 13, 2025. (Media Vatikan)

tidak ada dialog antara Simon dan Yesus tetapi ia tetap melibatkan semangat Tuhan.

Sama ada Simon mempunyai belas kasihan atau tidak kerana dipaksa memikul salib Yesus, "Kita perlu merenung hati Tuhan yang sentiasa terbuka meskipun hati umat manusia tidak terbuka menerima kasih-Nya."

Bapa Suci mengatakan, "Kita tidak tahu perasaan sebenar Simon dari Kirene yang menggantikan Yesus memikul salib. Tetapi kita tahu Simon memikul salib Yesus yang menebus dosa semua manusia. Yesus memikul salib kerana amat mengasihi kita, sebagai tanda taat-Nya kepada Bapa, Dia sanggup

menderita dan mati untuk kita. Dan Simon dari Kirene, telah menjadi sebahagian sejarah penyelamatan bahawa dalam penyelamatan Tuhan, tidak ada orang asing, tidak ada orang yang terkecuali."

"Melalui Simon dari Kirene, Tuhan memberi pesan kepada kita bahawa "Yesus datang untuk bertemu dengan semua orang, dalam setiap keadaan. Apa yang perlu kita lakukan ialah melihat sekeliling kita. Sangat ramai lelaki dan wanita yang diselubungi kebencian dan keganasan. Kebencian dan keganasan inilah Jalan ke Kalvari. Tetapi Tuhan telah menyediakan dan mewujudkan sebuah tempat

penebusan apabila Dia menyerahkan nyawa-Nya bagi kita semua!"

Pada akhir teks homilinya, Sri Paus menjelaskan bahawa kita menghulurkan tangan kepada mereka yang menderita, membantu mengangkat mereka yang telah jatuh, memeluk mereka yang bersedih, kita menunjukkan bagaimana "penderitaan Yesus menjadi belas kasihan". Sri Paus mengatakan untuk mengalami kehebatan keajaiban belas kasihan, kita boleh memikul salib kita sendiri tetapi juga salib orang-orang yang menderita di sekeliling kita bahkan dari orang yang tidak dikenali dalam kehidupan kita. CNS/Media Vatikan

# Kebangkitan Yesus: Meta-naratif yang meneguhkan harapan Kristian

Beberapa tahun yang lalu, semasa membuat pembentangan di sekolah kami, seorang paderi muda dari Quebec, Pierre-Olivier Tremblay, berkongsi cerita berikut: Saya menghabiskan beberapa tahun bekerja dengan orang muda dan apa yang saya perhatikan orang-orang muda ini ialah, "Mereka muda dan penuh dengan tenaga, dengan mimpi indah, dengan harapan, mereka memancarkan sikap baik apabila berada bersama mereka."

Walau bagaimanapun, meskipun penuh tenaga, hanya sedikit daripada mereka yang memancarkan harapan.

Kebanyakannya tidak mempunyai harapan kerana mereka tidak mempunyai meta-naratif. Kisah mereka hanya menarik apabila semangat dan keadaan pada ketika itu sangat baik, tetapi apabila menghadapi keadaan situasi yang buruk (misalnya berlaku perpisahan dalam hubungan, kematian orang yang disayangi, penyakit yang serius) mereka tidak mempunyai apa-apa untuk berpaut kerana mereka tidak memahami kehidupan mereka dan tidak mempunyai konteks cerita yang lebih besar iaitu meta-naratif.

Mereka setakat memahami kisah diri mereka dan 'kisah' peribadi itu bukanlah asas kukuh untuk harapan.

Apakah meta-naratif? Meta-naratif merupakan cerita yang lebih besar namun perlu kita fahami. Dan bagaimana ia menjadi asas untuk harapan? Sebagai contoh: Pierre Teilhard de Chardin seorang saintis bertaraf dunia dan seorang mistik Kristian.

Niatnya sebagai saintis dan sebagai seorang lelaki yang beriman adalah untuk mengungkapkan sintesis teologi yang akan

membawa bersama dalam satu penglihatan yang harmoni, kedua-dua niat Ilahi dalam evolusi kosmik dan niat Ilahi dalam Tuhan menjadi inkarnasi dalam Yesus Kristus.

Pierre menyatakan visi seperti berikut: orang Kristian dapat disatukan dalam satu penglihatan yang harmoni, teori saintifik mengenai asal-usul alam semesta, yang berlaku dari evolusi melalui 15 juta tahun, tujuan dan peranan Kristus dalam sejarah dan bagaimana kosmik dan sejarah iman akan memuncak seperti yang diceritakan dalam surat kepada jemaat di Efesus bahawa dalam kepenuhan masa, di mana, melalui Kristus, Tuhan akan membawa semua orang dan semua perkara kepada-Nya sekali gus.

Dan pada hari itu, kebaikan akan menang atas kejahatan selama-lamanya, cinta akan menang mengalahkan perpisahan, keamanan akan mengakhiri kekacauan, empati akan berkuasa ke atas sikap mementingkan diri sendiri, kelembutan mengalahkan kekejaman dan pengampunan mengatasi dendam.

Semasa dia menerangkan visi ini dalam sebuah konferensi, seorang rakan sekerja mencabarnya dengan soalan ini: "Anda percaya bahawa kebaikan akhirnya akan menang atas kejahatan, tetapi apa yang berlaku jika kita meletupkan dunia dengan bom atom, apa yang berlaku kepada visi anda tentang perkara itu?"

Jawapan Teilhard: "Jika kita meletupkan dunia dengan bom atom, itu akan menjadi kemunduran dua juta tahun; Tetapi kebaikan akan menang atas kejahatan, bukan kerana saya menginginkannya, tetapi kerana Tuhan berjanji dan, dalam kebangkitan,

Tuhan menunjukkan bahawa Tuhan mempunyai kuasa untuk menyampaikan janji itu."

Dia betul. Kecuali kebangkitan, kami tidak mempunyai jaminan tentang apa-apa. Penipuan, ketidakadilan dan keganasan mungkin menang pada akhirnya.

Kekacauan, kekejaman dan kematian mungkin menjadi perkataan terakhir. Inilah yang kelihatan pada hari Yesus wafat. Walau bagaimanapun, kebangkitan Yesus adalah Firman terakhir Tuhan mengenai perkara ini.

Dalam kebangkitan, Tuhan memberi jaminan kepada kita bahawa tidak kira bagaimana keadaan atau situasi itu kelihatan, tidak kira betapa banyak kejahatan yang kita lihat kelihatan menang, tidak kira betapa tidak bersalah, kebaikan dan kelembutan yang tidak dapat dilihat, tidak kira berapa kali kita menyalurkan Kristus, tidak kira berapa kali kita mungkin meletupkan dunia – seperti kata Julian dari Norwich, kebangkitan Yesus memberi jaminan kepada kita bahawa, semuanya akan menjadi baik dan semua pengakhiran akan menjadi baik dan apa pun caranya, ia akan berakhir dengan baik.

Kebangkitan, Tuhan membangkitkan Yesus yang disalibkan dengan cara yang nyata, kosmik, jasmani dan bukan sekadar pergeseran dalam kesedaran pengikutnya, adalah asas bukan hanya untuk harapan kita tetapi untuk iman Kristian kita seperti itu.

Seperti yang dikatakan Sto Paulus, jika tidak ada kebangkitan, kita adalah yang paling tertipu dari semua orang.

Tetapi, jika Yesus dibangkitkan, segala



yang kita percayai dan segala yang kita harapkan, bahawa pada akhirnya kebaikan, cinta, masyarakat, kelembutan dan kegembiraan akan selama-lamanya terjamin menang, mengalahkan semua yang menentang mereka. Kebangkitan Yesus adalah asas kuat untuk semua harapan, sama ada untuk diri kita sendiri dan untuk kosmos itu sendiri.

Kebangkitan adalah meta-naratif muk-tamad. Ini adalah cerita yang lebih besar di mana kita perlu menetapkan cerita individu kita sendiri.

Apabila Pierre-Olivier Tremblay (kini seorang uskup di Quebec) menyatakan pengalamannya bekerja dengan orang-orang bertenaga indah tetapi memancarkan harapan yang sangat sedikit kerana mereka tidak mempunyai asas meta-naratif untuk meneguhkan lagi cerita mereka sendiri. Meta-naratif yang dirujuk oleh Pierre tepatnya ialah kisah kebangkitan Yesus daripada kematian. Kisah muda atau tua, cerita individu kita sendiri tidak mencukupi. Kita perlu memahami diri kita sendiri (dan kosmos itu sendiri) dalam meta-naratif kebangkitan. **Fr Ron Rolheiser @ Hakcipta Terpelihara 1999-2025**

## Belas Kasih tanpa perhitungan

Pada Tahun Jubli 2000, Sri Paus Yohanes Paulus II memimpin Misa Kudus di Roma untuk kanonisasi seorang biarawati dari Poland, Sr Faustina Kowalska (1905-1938) pada April 30, 2000.

Dalam homilinya mengatakan: "Adalah penting, bahwa kita menerima pesan sabda Tuhan pada Hari Minggu Paskah Kedua ini, yang mulai pada saat ini akan disebut Hari Minggu Kerahiman Ilahi."

Marilah pada Hari Minggu Oktaf Paskah, atau Hari Minggu Paskah Kedua dan lebih lengkap lagi disebut Hari Minggu Kerahiman Ilahi ini, kita mendengarkan pesan Kristus, yang telah bangkit tentang kerahiman Bapa kepada kita melalui Putera-Nya seperti yang tercantum di dalam Injil Yohanes.

Dalam Injil Yohanes, kita ditampilkan seorang tokoh bernama Thomas atau Didymus, yang menurut kata aslinya berarti "orang kembar".

Dalam diri Thomas, kita dapat menemui gambaran diri kita sendiri, sebagai orang yang dibaptis serta rasmi mengakui diri sebagai "orang beriman", namun dalam kehidupan kita, masih mengalami banyak keraguan atau ketidakpastian.

Minggu ini adalah Hari Oktaf Paskah, yang merayakan belas kasihan Tuhan, yang menyinari dan menjiwai inti sari atau misteri Paskah yang begitu mendalam!

Semasa Misa kanonisasi Sta Faustina

Sri Paus Sto Yohanes Paulus II dalam homilinya berkata, "Yesus menunjukkan tangan-Nya dan lambung-Nya kepada murid-murid-Nya. Dia menerangkan bahawa luka-luka yang diderita-Nya, khususnya luka pada hati/jantung-Nya, adalah sumber belaskasihan-Nya yang mengalir kepada segenap umat manusia."

Patut diperhatikan, homili Sto Yohanes Paulus II bukanlah mengkhususkan Sta Faustina tetapi ajaran St. Agustinus tentang makna oktaf Paskah, yang disebutnya sebagai "hari-hari belaskasihan dan pengampunan". Manakala Minggu Oktaf Paskah itu disebut sebagai "rangkuman hari-hari penuh belaskasihan".

Dalam pembacaan Injil Yohanes hari

ketika bertemu dengan Thomas, Yesus berkata kepada Thomas yang belum percaya, bahawa Dia telah bangkit: "Taruhlah jarimu di sini dan lihatlah tangan-Ku, hurlurkanlah tanganmu dan cucukkan ke dalam lambung-Ku..." Yohanes tidak menceritakan jika Thomas melakukan apa yang dikatakan Yesus tetapi Thomas segera berkata "Ya, Tuhanku dan .... ku!" Ternyata lambung Yesus yang tertikam, sebagai sumber belaskasihan Tuhan itulah yang meyakinkan Thomas, bahawa Yesus Kristus adalah sungguh Tuhan yang diimaninya.

Kita sebagai umat beriman pada dasarnya memang rasmi percaya kepada Yesus yang telah bangkit.



### HARI RAYA KERAHIMAN ILAH (C)

KISAH PARA RASUL 5:12-16  
WAHYU 1:9-11A, 12-13, 17-19  
INJIL YOHANES 20:19-31

Kita percaya bahawa Yesus telah mendirikan Gereja-Nya, termasuk kita semua. Sudah dua puluh abad lamanya Yesus yang bangkit selalu menyertai Gereja-Nya. Tetapi masih ramai penduduk dunia kita ini yang belum mengenal "Dia Yang Bangkit".

Seperti Thomas, bagaimanakah mereka dapat melihat dan percaya akan kehadiran Peribadi Kristus sekarang?

Gereja iaitu segenap umat Kristian yang sungguh percaya kepada Kristus, dapat memperkenalkan Dia juga dengan menunjukkan belaskasihan-Nya kepada semua orang.

Belaskasihan Ilahi adalah percuma, tanpa perhitungan, bagaikan lambung yang ditikam dan mengalirkan darah belaskasih tanpa batas!

Belaskasihan Ilahi inilah yang harus menjadi kesaksian kesungguhan kehadiran dan perutusan Gereja sejati. Belaskasihan kepada sesama tanpa perhitungan — itulah bukti dan kesaksian iman kepercayaan autentik kita! **Msgr F.X Hadisumarta O.Carm**



## Seminarian komited lindungi kanak-kanak bawah umur

PULAU PINANG: Kolej General, sebuah seminari penting di Pulau Pinang, telah menganjurkan “Seminar Mengenai Perlindungan Kanak-kanak bawah umur dan Orang-orang yang lemah” baru-baru ini.

Seminar itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu perlindungan yang disampaikan oleh Peguam Christopher Kushi.

Christopher meliputi perkembangan perundangan baru-baru ini mengenai perlindungan kanak-kanak bawah umur, termasuk garis panduan sejagat Takhta Suci, kesalahan seksual terhadap kanak-kanak, buli siber, dan undang-undang gangguan antiseksual.

Dr Mary Bharati, pakar psikiatri, berkongsi pandangan tentang kesan psikologi penderaan kanak-kanak, menangani penyalahgunaan fizikal, emosi,

seksual dan pengabaian kanak-kanak.

Rektor seminari Fr Ryan Innas Muthu, menekankan pentingnya pengetahuan tentang perlindungan kanak-kanak bawah umur bagi para seminarian kerana mereka kini sedang dibentuk untuk memainkan peranan kepimpinan dan bimbingan rohani untuk komuniti yang diamanahkan kepada mereka.

Beliau menegaskan bahawa seminarian mesti dapat mengenali, mencegah dan menangani risiko dengan berkesan.

Memahami kesan psikologi penyalahgunaan melengkapkan para seminarian tentang bagaimana menawarkan sokongan empati kepada mangsa.

Fr Ryan menekankan bahawa seminarian mesti menjadi penyokong proaktif untuk keselamatan, kerana pelayanannya berakar dalam penjagaan pastoral dan belas kasihan,

## Menghidupi firman Tuhan dalam KKD



KENINGAU: Pengerusi Komisi Komuniti Kristian Dasar Keuskupan Keningau, Sdra John Lainsin menjelaskan empat sifat KKD iaitu “Satu, Kudus, Apostolik dan Katolik” ketika menyampaikan sesi dalam sebuah rekoleksi di Dataran Keuskupan Keningau, baru-baru ini.

Rekoleksi KKD ini dianjurkan oleh *Service Team* KKD Katedral St Francis Xavier (KSFX) yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai KKD.

Sdra John menghuraikan empat sifat KKD iaitu “Satu” bermaksud KKD tersebut harus membuat pertemuan secara bergilir-gilir di rumah ahli KKD.

Sifat “Kudus” pula bermaksud setiap pertemuan KKD harus berpusatkan kepada perkongsian firman Tuhan.

Sifat “Apostolik” pula merujuk kepada kemestian komuniti KKD

tersebut melakukan tindakan sosial secara bersama manakala sifat “Katolik” bermakna, setiap KKD bersifat sejagat dan dipanggil untuk bersatu dalam Gereja universal.

Cik Alice daripada tim Komisi KKD menjelaskan hubung kait antara KKD dengan proses sinodaliti. Katanya, proses sinodaliti adalah satu panggilan untuk menggereja secara global.

Selain katekesis mengenai KKD, turut diadakan pascanilai mengenai keadaan atau maklumat KKD terkini di setiap KUK.

Semasa Misa Kudus, Pembimbing Rohani KKD KSFX, Fr Nakudah Killin dalam homilinya, menjelaskan bahawa konsep berjalan bersama yang diamalkan oleh Keuskupan Keningau sejak 32 tahun lalu juga harus menjadi konsep yang diamalkan oleh KKD. **Juanis bin Marcus**

# Klerus Pulau Pinang alami pembaharuan rohani dalam CER



PULAU PINANG: “Kita semua memerlukan rahmat penyembuhan dan yang paling penting, pertemuan peribadi dengan Tuhan,” kata seorang kardinal dari Singapura yang dijemput untuk memimpin sebuah retreat untuk para paderi dan diakon Keuskupan Pulau Pinang.

Seramai 54 orang paderi dan diakon dari Keuskupan Pulau Pinang berkumpul di Stella Maris Retreat Centre baru-baru ini, untuk Retreat Pengalaman Pertaubatan (CER).

Pada akhir Oktober 2024, Uskup Pulau Pinang, Kardinal Sebastian Francis, menjemput Uskup Agung Singapura, Kardinal William Goh, untuk memimpin CER bagi para paderi dan diakon demi “pengalaman pertemuan lebih mendalam dengan Tuhan Yesus.”

Empat hari pertama retreat, para paderi dan diakon yang disokong

oleh para-liturgi, penghayatan mendalam tentang pengampunan, pujian dan penyembahan, membukakan pintu hati mereka untuk menerima pengalaman pahit, melupakan salah faham, kemarahan dan mengalami penyembuhan.

Pada hari kelima, ketika mereka memperbaharui janji imamat, mereka memeluk uskup mereka, mempunyai lebih semangat kesatuan seperti yang digambarkan oleh rasul Petrus dalam 1 Petrus 3: 8: “*Akhirnya bersatu hatilah kamu semua, dan amalkan belas ihsan antara satu sama lain. Jalinkallah kasih persaudaraan antaramu, dengan hati yang lembut dan adab sopan yang baik.*”

Kardinal Sebastian Francis berkongsi pengalaman peribadinya semasa retreat bahawa, bahkan untuk Pontius Pilatus, jika dia

menghendaki, dia juga akan menerima pengampunan dan penyembuhan.

Prelatus itu juga menyatakan kekagumannya terhadap pasukan retreat yang membantu Kardinal William Goh semasa doa hening, puasa, pengorbanan, pujian, ibadah, dan para-liturgi yang penuh semangat.

Kardinal William pula berkongsi bahawa beliau amat tersentuh dengan kerendahan hati para paderi dan diakon yang mengambil bahagian.

Katanya, “retret itu menunjukkan bahawa paderi dan diakon juga lapar rohani untuk pengalaman yang lebih mendalam tentang cinta Tuhan. Mereka juga telah terluka akibat pelayanannya atau semasa mereka muda dan mencari belas kasihan, pengampunan serta penyembuhan Tuhan.”

## Kasih umat kuatkan paderi kekal melayani

KENINGAU: “Baru dua bulan melayani tetapi leher sudah hilang” atau maksud sebenarnya, “baharu sahaja dua tahun menjadi paderi tetapi berat badan bertambah” yang mengungkapkan penjagaan dan sokongan hebat daripada umat setempat terhadap para paderi.

Kata-kata tersebut dinyatakan oleh Fr Appoloni Yakis pada April 6 lalu.

Pada hari tersebut merupakan ulang tahun kepaderian yang ke-48 Uskup Cornelius Piong, ulang tahun kepaderian kedua bagi Fr Appoloni dan ulang tahun imamat pertama Fr Nakudah Kilin.

Uskup dan dua orang paderi itu diraikan serentak di Dewan Majlis Pastoral Paroki Katedral St Francis Xavier dalam sebuah majlis kesyukuran yang dihadiri lebih 300 umat.

Uskup Cornelius Piong dalam ucapannya mengucapkan tahniah kepada Fr Appoloni dan Fr Nakudah dan mengungkapkan terima kasih kepada semua pihak – MPP, *Monsignor*, para paderi, paderi pelawat dari Indonesia, Romo Ricardo, pengerusi-pengerusi zon, KKD, KUK, beliau, serta pelbagai komisi dan umat – atas sokongan yang tidak berbelah bahagi sepanjang 48 tahun



pelayanan sebagai paderi.

Prelatus situ turut berkongsi bahawa kasih Tuhanlah yang menopang segala cabaran dalam hidup sebagai paderi dan Uskup selama ini.

Uskup Cornelius Piong juga mengajak umat untuk terus memupuk semangat kesatuan, kesetiaan, kekudusan dan semangat misi dalam membangun komuniti yang saling peduli dan menjadi saksi bagi Kristus.

Majlis diteruskan dengan doa pembukaan yang dipimpin oleh

Msgr Gilbert Lasius, diikuti dengan acara pemotongan kek ulang tahun dan jamuan kasih.

Majlis ini menjadi simbol penghargaan dan kesyukuran atas rahmat panggilan suci yang telah dianugerahkan oleh Tuhan kepada ketiga-tiga paderi ini.

Ia turut menjadi seruan kepada umat untuk bersama-sama mempromosikan panggilan menjadi paderi bagi meneruskan karya Yesus di dunia dan memberi pelayanan sakramen kepada umat di Keuskupan Keningau.

# Sahabat kecil Yesus

Hello adik-adik, Apa khabar? Pada hari Minggu ini kita menyambut Hari Minggu Kedua Paskah atau Hari Minggu Kerahiman Ilahi. Adik-adik pasti pernah melihat gambar Kerahiman Ilahi atau mendengar ibu bapa kita berdoa Kerahiman Ilahi bukan? Tahukah adik-adik bahawa pada April 30, 2000 seorang Sri Paus


telah mendeklarasikan Minggu Paskah Kedua sebagai Minggu Kerahiman Ilahi. Sri Paus itu juga sekarang merupakan seorang Santo. Beliau ialah Sri Paus Sto Yohanes Paulus II Adik-adik, Kerahiman Ilahi



mengingatkan kita bahawa tidak ada pengharapan lain selain Kerahiman atau belas kasihan Tuhan. Oleh sebab itu sikap saling memaafkan, mengakui kekurangan dan kesalahan diri adalah bentuk praktik

kerahiman Ilahi dalam hidup sehari-hari. Hindari kata-kata "saya boleh mengampuni orang lain tetapi tidak dapat melupakannya" Marilah kita menjadi utusan atau agen-agen damai Yesus Kristus! Amen. Salam sayang Antie Melly


**Sentiasa berjalan bersama Yesus:** Pada gambar di bawah, warnakan jejak kasut yang menghubungkan Yesus dan dua orang kanak-kanak tersebut.



**Hari Minggu Kerahiman Ilahi April 27 2025**

Warnakan gambar ini.

Thomas pada mulanya ragu akan kebangkitan Yesus. Tetapi akhirnya percaya dan mengaku bahawa Yesus adalah Tuhan (Yoh 20:19-31) Lima gambar di bawah kelihatan sama tetapi tidak serupa! Warnakan dua gambar yang serupa.





# Salib Katolik Malaysia bawa harapan Tuhan di seluruh pelosok Sibul

**SIBU:** 40 orang belia dari Sibul telah hadir untuk perhimpunan *Malaysia Catholic Youth Day 2025 (MCYD 2025)* pada Mac 31 hingga April 6 lalu di Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Selain MCYD, para perwakilan belia ini juga menghadiri upacara Pelancaran Perjalanan Salib Katolik Malaysia yang dirasmikan oleh sembilan orang Uskup/Agung Malaysia pada April 3, di Katedral *Sacred Heart*, Kota Kinabalu.

Perjalanan Salib Katolik Malaysia merupakan salah satu acara untuk persiapan sebuah konvensyen besar iaitu Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026 (MPC 2026). MPC 2026 ialah sebuah acara besar yang bakal menggabungkan sembilan keuskupan/agung di Malaysia buat pertama kalinya.

Pada hari pelancaran tersebut, sembilan Salib telah diberkati. Menurut Uskup Agung Simon Poh, Uskup Episkopal untuk Pelay-

anan Kampus Malaysia dan Presiden Konferensi Para Uskup Malaysia.

Sembilan Salib itu dibawa kesembilan Keuskupan/Agung untuk dibawa ke setiap paroki, kampung dan komuniti umat Katolik. Prelatus itu juga mengatakan, kaum muda Katolik telah diamanahkan oleh para Uskup Katolik Malaysia untuk memperkenalkan cinta, belas kasihan dan harapan Tuhan kepada semua orang melalui Perjalanan Salib Katolik Malaysia.

Salib Katolik Malaysia kemudiannya dibawa pulang ke Keuskupan Sibul oleh para perwakilan belia yang menyertai MCYD2025.

Pada April 12, para belia dan umat beriman menyambut kedatangan Salib Katolik Malaysia dalam Misa Kudus pada pukul 9.00 pagi di Katedral *Sacred Heart*, Sibul.

Misa itu dipimpin oleh Uskup Joseph Hii. Turut membantu Uskup Joseph di altar ialah Fr Philip Hu, Friar Raphael Samosir OFM Cap, Friar Francis Go OFM Cap dan Fr Fabian Kong.



Dalam homilinya, Uskup Joseph Hii menggunakan contoh kejadian salib dalam kehidupan kita seperti kematian, penyakit, penderitaan anggota keluarga dan rakan-rakan. Katanya salib sering mempunyai

kuasa untuk menyatukan, mempersatukan orang dan keluarga bersama-sama.

"Pada hari ini, salib Yesus Kristus mempunyai kuasa untuk mendamaikan kita kepada Tuhan dan satu sama lain, membawa kita dalam persekutuan sebagai sebuah keluarga besar di bawah rahmat dan kasih Tuhan."

Prelatus itu menggalakkan semua umat untuk menemui Kristus Yesus, untuk mengalami kasih-Nya tanpa syarat semasa Perjalanan Salib Katolik Malaysia yang akan bergerak ke semua paroki di Keuskupan Sibul, bahkan akan ke *chapel* dan komuniti umat Katolik.

Selepas Misa Kudus, ratusan belia dan umat datang untuk menghormati dan berdoa di hadapan Salib Katolik Malaysia.

Pada September 2026, Salib-salib itu akan "disatukan" semula pada MPC 2026 di Pusat Majodi, Plentong.



**KUALA LUMPUR:** Musim Pra-Paskah 2025 menjadi peluang bagi lebih 100 pelajar untuk menjalankan aktiviti-aktiviti belas kasihan.

Pada April 6, lebih daripada 100 pelajar, mengikut kumpulan usia, telah melawat tiga pusat amal yang berbeza.

Pelajar Kateketikal Tingkatan 1 telah dibawa melawat Pusat Berniece iaitu sebuah pusat jagaan warga emas. Di pusat kebajikan itu, 20 pelajar berbual, makan bersama dan menghiburkan para penghuni di pusat itu.

Sementara itu, 39 pelajar dari Tingkatan 2 dan 3 pula mengunjungi *PJ Senior Care*, sebuah lagi pusat kebajikan untuk warga emas. rumah lain untuk orang tua.


Para pelajar mengambil kesempatan itu untuk mendengar kisah-kisah lama para penghuni di situ

## Pewartaan kasih bukan di mimbar tetapi keluar ke komuniti

dan menyakinkan warga tua di sana, bahawa mereka akan selalu mendoakan serta prihatin dengan mereka.

Seramai 40 pelajar Kateketikal Tingkatan 4 dan 5 pula, membantu pembersihan di *Positive Community Life* di Batu Arang. Mereka tidak kekok memegang penyapu, mop dan kain lap agar kawasan itu lebih bersih serta ceria.

Pengalaman di tiga tempat berbeza itu, memupuk kesedaran para remaja bahawaewartaan kasih bukanlah di mimbar sebaliknya harus pergi ke jalan-jalan, rumah dan komuniti!





## Serangan udara musnahkan Gereja baru dibina di Chin, Myanmar

YANGON: Penduduk negeri Chin, yang mempunyai populasi besar penganut Kristian, kecewa atas serangan udara yang dilancarkan oleh tentera baru-baru ini.

Serangan itu telah memusnahkan sebuah Gereja Katolik yang baharu dibina di sana. Gereja Kristus Raja di Falan, yang terletak di Keuskupan Hakha, telah menjadi mangsa serangan ketenteraan.

Akhbar Misionari Vatikan, *Fides*, melaporkan pada April 11 lalu, "Komuniti Katolik di sini amat sedih tetapi tetap berazam untuk membina semula Gereja."

Pengeboman pada April 8 itu memusnahkan bumbung dan dalaman Gereja, hanya meninggalkan dinding Gereja yang berusia kurang dari dua tahun.

Seramai 1,000 umat Katolik tempatan dengan susah payah membina Gereja tersebut dan menguduskannya pada bulan November 2023.

Gereja itu menggantikan Gereja berusia 75 tahun dan dianggap sebagai "oasis kerohanian" di tengah-

tengah keganasan yang meluas di seluruh rantau itu. Pengeboman itu dilaporkan sebahagian daripada pertempuran selama sembilan bulan antara Angkatan Darat dan Angkatan Pertahanan Chinland (CDF) — sebuah militia tempatan yang muncul di Negeri Chin untuk menentang junta-demi mengawal kota Falan, lapor *Fides*.

Pejuang CDF yang mengelilingi bandar itu telah memaksa tentera melarikan diri selepas pertempuran sengit dan telah mengawal Falan.

Dalam satu kenyataan, jurucakap PBB Ravina Shamdasani berkata "pasukan tentera dilaporkan telah melakukan lebih daripada 120 serangan sejak bencana gempa bumi.

Lebih separuh daripada mereka selepas pencatatan senjata yang disyitiharkan telah berkuatkuasa pada April 2," katanya. Myanmar telah dilanda pelbagai konflik sejak Februari 2021, ketika tentera Min Aung Hlaing merampas kuasa dari kerajaan awam Aung San Suu Kyi. **ucanews**

# Gereja harus terima pembaharuan misi

MILAN: Kardinal Luis Antonio Tagle, ketua bersama Dikasteri untuk Penginjilan, berkata Gereja Katolik mesti mencari pembaharuan melalui misi.

Kata-kata itu diucapkannya semasa perayaan ulang tahun ke-175 Institut Kepausan untuk Misi Asing (PIME) di Milan.

"Gereja tidak kebal terhadap perubahan dramatik dan pesat di dunia," kata Tagle.

Beliau menekankan bahawa Gereja mesti memeluk "pembaharuan" bukan sebagai perubahan tanpa makna, tetapi sebagai "karunia hidup yang diperbaharui dalam Tuhan ... hadir dan bekerja di dunia tetapi menanti kepenuhannya dengan harapan aktif."

Bercakap mengenai tema "*The Mission Ad Gentes of Tomorrow*," kardinal itu berkata walaupun banyak pendekatan untuk pembaharuan, "pengalaman kita menunjukkan bahawa cara keenam nampaknya yang paling sesuai: Gereja diperbaharui dalam identitinya ketika misionari menjadi saksi kerajaan Tuhan dalam dialog dengan budaya, agama dan dengan



mereka yang miskin di dunia."

Prelatus itu memetik suara-suara teologi yang menyeru peralihan dari *Missio Ad Gentes* (kepada orang-orang) kepada *Missio Inter Gentes* (dengan dan dalam kalangan rakyat), di mana misi terlibat dengan "ahli keluarga, rakan sekerja, pengguna digital."

Uskup Agung Tagle menegaskan bahawa "geografi bukan lagi sempadan pertama manusia tetapi juga budaya, kepercayaan, sikap acuh tak acuh, ketidakadilan."

Tagle menggambarkan Gereja Asia yang diperbaharui seperti gambaran "pintu rumah" yang melambangkan sikap menerima dan

sedia menjangkau semua orang; "Duduk di meja" melambangkan sikap menerima, mengalu-alukan dan perpaduan; "Kidung duka dan sukacita" mencerminkan Gereja sentiasa bersama dalam kesakitan dan harapan; dan "kecerdasan budaya dan manusia," mempromosikan dialog antara budaya.

"Sebuah Gereja yang diperbaharui mengambil pintu dengan serius," katanya. "Gereja secara serentak berfungsi sebagai sebuah Gereja yang keluar ke jalan-jalan, menemui orang khususnya yang memerlukan dan sebuah Gereja yang mengalu-alukan." **LiCAS News**

## Perancis terima lebih 17 ribu baptisan baharu



Gambar fail: Sri Paus Fransiskus membaptis seorang katekumen bernama Veronica pada Misa Malam Paskah, April 8, 2023 di Basilika Santo Petrus Vatikan. (Media Vatikan)

PARIS: Pada malam Paskah, April 19 lalu, Perancis telah menerima 17,800 baptisan baharu, sebuah rekod yang mencatatkan penambahan bilangan baptisan baharu.

Konferensi para Uskup Katolik Perancis mengumumkan pada April 10 lalu bahawa angka ini adalah yang tertinggi sejak tahun 2002.

Ini bukan tren yang berlalu begitu saja, tetapi sebuah "dinamika" yang nyata, kata Uskup Agung Lyon Msgr Olivier de Germay.

"Jangan hanya melihat angka tetapi ini merupakan sebuah sukacita kerana ramai orang semakin menyedari kepentingan hidup rohani," tulis Uskup Agung de Germay dalam sebuah ulasan.

Menurut rekod dalam 10 tahun ini, jumlah orang dewasa yang dibaptis pada Paskah telah meningkat dari 3,900 tahun 2015 menjadi 7,135 tahun 2024, dan kemudian menjadi 10,384 tahun 2025.

Bagi Cécile Eon, delegasi nasional untuk katekumenat orang dewasa, peningkatan ini "mengesankan."

"Katekumen berusia 18-25 tahun telah meningkat terutama sejak 2020. Mereka sekarang menjadi yang paling banyak jumlahnya di antara orang dewasa."

Golongan yang berusia 18-25 tahun, yang terdiri dari para mahasiswa dan profesional muda, kini mewakili 42% katekumen, dan telah melampaui kelompok usia 26-40 tahun.

### Krisis dalam hidup

"Kaum muda sekarang sering kali mengajukan pertanyaan-pertanyaan tentang kewujudan mereka.

Beberapa di antara mereka sedang mengalami situasi sukar seperti perceraian orang tua, penyakit, atau kehilangan orang-orang yang mereka sayangi.

Hal ini membuat mereka bertan-

ya-tanya tentang keberadaan Tuhan tetapi syukur mereka menemukan beberapa jawaban dalam Injil, yang menuntun mereka untuk mengetuk pintu Gereja."

Catherine Chevalier, ketua Pejabat Nasional Pewartaan Iman dan Pendampingan Kehidupan Kristian dari Konferensi para Uskup Katolik Perancis mengatakan, "Banyak dalam konteks masyarakat yang menimbulkan kecemasan seperti pandemik dan peperangan.

Ramai yang mencari alasan untuk berharap di tengah-tengah semua ketidakstabilan ini. Mereka mendapati, Gereja dan firman Tuhan dapat memberikan mereka penghiburan serta jawaban yang diperlukan."

Menurut Catherine, para influencer Katolik dan jejaring sosial juga berperanan menarik golongan muda untuk mengenal ajaran Katolik.

"Orang-orang muda itu jelas tidak ingin tinggal di dunia virtual, mereka mahu merasai dan mengalami sendiri," jelasnya pada para wartawan di Paris. **CNA**

## Penziarah Yerusalem, positif jalani Minggu Suci

JALUR GAZA: Selama dua tahun berturut-turut, hanya sedikit penziarah asing yang hadir dalam prosesi Minggu Palma dari Bukit Zaitun menuju Kota Tua Yerusalem kerana perang Israel-Hamas masih berlangsung di Jalur Gaza.

Meskipun, langit mendung namun ia tidak melunturkan semangat sekitar 4,000 peserta.

Sebagian besar daripada mereka adalah umat Kristian dari Yerusalem dan Galilea, serta beberapa umat Kristian dari Tepi Barat, diplomat asing, para anggota ordo religius dan pekerja asing.

Para penziarah Ortodoks Ethiopia,

dengan gaun putih bersulam tradisional, juga ikut serta dalam prosesi tersebut.

Sekitar 6,000 izin perjalanan awal dikeluarkan bagi umat Kristian Tepi Barat untuk menghadiri perayaan Minggu Suci, dengan tambahan 2,000 izin menurut Patriarkat Latin Yerusalem.

Berlindung di bawah pintu kerana hujan, Batrice, seorang Katolik dari Nazareth, mengatakan bahawa dia membawa ketiga-tiga anaknya yang berusia remaja, isterinya untuk ikut serta dalam prosesi tahun ini, meskipun tahu bahawa tahun ini tidak akan segeembira tahun-tahun sebelumnya,

kerana beliau berfikir ia penting untuk tetap berharap dan bersikap positif. "Lebih menyenangkan ketika ramai penziarah berada di sini meskipun pada tahun ini, agak kurang berbanding sepuluh tahun lalu, di mana jalan-jalan ini penuh dengan ramai orang," katanya.

Para penziarah yang melambatkan daun-daun palma berjalan menyusuri jalan dari Bethphage — sebuah Gereja Fransiskan yang terletak di Bukit Zaitun di Yerusalem menuju Biara Kenaikan dan menuju Taman Getsemani, berakhir di Gereja Sta Anne dekat Gerbang Singa, di Kota Tua. **Media Vatikan**



# Surat pastoral Uskup Agung Kuala Lumpur tentang beberapa isu penting

Umat Tuhan yang dikasihi,

Salam damai dan kasih Yesus Kristus. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, para klerus telah terlibat dalam banyak perbincangan yang menangani isu-isu yang mencabar dalam pelayanan pastoral untuk umat beriman.

Dengan merangkul semangat sinodaliti, kami telah meneliti dan melihat perkara-perkara ini bersama para paderi, Majlis para klerus dan Penasihat.

Adalah penting untuk menyedari bahawa keputusan kolektif meningkatkan perpaduan kumpulan. Apabila keputusan dibuat secara kolektif, ia memupuk komitmen dan semangat bertanggungjawab yang lebih kuat dalam kalangan semua yang terlibat. Akauntabiliti bersama ini boleh membawa kepada pelaksanaan yang lebih berkesan dan hasil yang lebih baik untuk pelayanan pastoral umat Tuhan

Oleh itu, keputusan berikut telah dibuat untuk pelaksanaan di Keuskupan Agung Kuala Lumpur:

## 1. Perkahwinan campur/perbezaan ibadat perkahwinan dan Komuni Suci

Peranan menguduskan, yang ada pada keluarga Kristian, berdasarkan pada Pembaptisan dan mencapai unguannya yang paling luhur dalam Ekaristi dan kehidupan keluarga Kristian, sungguh perlulah menyingkapkan ulang dan mengukuhkan hubungan itu. Ekaristi Suci ialah yang menjadi sumber perkahwinan Kristian. Sebab Korban Ekaristi menghadirkan perjanjian cinta kasih Kristus dengan Gereja, yang dimeteraikan dengan darah-Nya di Salib.

Dalam Korban Perjanjian Baru dan Kekal itu suami-isteri Kristian menemukan sumber bagi perjanjian perkahwinan, sumber yang mendalam dan diperbaharui terus menerus. Sebagai kehadiran korban cinta kasih Kristus terhadap Gereja, Ekaristi memancarkan cinta kasih.

Dalam karunia cinta kasih melalui Ekaristi keluarga Kristian menemukan dasar serta jiwa "persekutuan" dan "misi"-nya, iaitu: dengan ikut serta menyambut Roti Ekaristi, pelbagai anggota keluarga Kristian menjadi satu tubuh, yang men-

gungkapkan dan ikut serta menghayati kesatuan Gereja yang lebih luas. Penyertaan mereka dalam Tubuh Kristus yang "diserahkan" dan dalam Darah-Nya yang "ditumpahkan" menjadi sumber tiada habisnya bagi dinamisme misionari-apostolik keluarga Kristian. (#57)

Sudah menjadi amalan pastoral di Keuskupan Agung ini untuk merayakan perkahwinan campur/berbeza di luar konteks Misa Kudus, kecuali mendapat kebenaran daripada Uskup Agung. Tujuan utama pendekatan ini adalah untuk memastikan bahawa pasangan bukan Katolik tidak merasa dikecualikan daripada perayaan dan demi memupuk perpaduan.

Walaupun begitu, kita memahami ada sebab-sebab tertentu Gereja membenarkan pemberian Ekaristi di luar Misa khususnya dalam pemberian Viaticum kepada mereka yang di ambang maut, Komuni Kudus bagi orang yang sakit, dan adorasi terhadap Kristus yang hadir di sakramen dan terdapat juga kemungkinan keperluan Komuni Kudus di luar Misa.

Oleh itu, selepas membincangkan Ritus perkahwinan (tanpa Misa) dengan pasangan itu, atas permintaan pasangan Katolik, paderi boleh memberi Komuni kepada pasangan Katolik dan kepada umat Katolik yang hadir.

## 2. Eulogi dalam Misa Pengebumian

'Panduan Umum Tatacara Pengebumian Kristian "[a] homili singkat berdasarkan pembacaan selalu diberikan selepas bacaan Injil dalam liturgi pengebumian dan juga diberikan selepas pembacaan semasa malam sebelum pengebumian. Homili tidak boleh diganti dengan eulogi (kata-kata atau ucapan kebaikan tentang si mati).

Pengkhtubah/homilist juga harus membantu hadirin yang datang untuk memahami bahawa misteri kasih Tuhan, misteri kematian dan kebangkitan Yesus berlaku dalam kehidupan dan kematian si mati dan bahawa misteri-misteri ini aktif dalam kehidupan mereka sendiri juga. Melalui homili, ahli keluarga dan komuniti harus menerima penghiburan dan kekuatan untuk menghadapi kematian salah seorang

anggota mereka dengan harapan yang dipelihara oleh Firman Tuhan yang menyelamatkan" (#27).

Walaupun bagaimanapun, kita juga menyedari bahawa eulogi dapat memberikan penghiburan dan memudahkan proses penyembuhan semasa bersedih, membantu individu berkabung memulakan perjalanan yang sihat. Oleh itu, sebaik sahaja Misa pengebumian berakhir, ahli keluarga atau rakan boleh menyampaikan eulogi tentang si mati. Adalah disyorkan bahawa eulogi diucapkan tidak lebih lima minit, dengan kandungan yang penuh hormat dan sesuai di ruang suci Gereja.

## 3. Kebenaran perempuan menjadi Pelayan Altar


Dalam surat pastoral bertarikh 29 November 2019, kebenaran telah diberikan untuk paroki di Keuskupan Agung Kuala Lumpur untuk memasukkan kanak-kanak perempuan sebagai pelayan altar.

Namun kita akui beberapa paroki mungkin tidak bersedia secara logistik untuk menampung kedua-dua lelaki dan perempuan pada masa itu, adalah harapan saya bahawa, selepas lima tahun, semua paroki telah bergerak ke hadapan untuk mengalu-alukan kedua-dua lelaki dan perempuan berkhidmat sebagai pelayan altar.

Marilah kita mengingati kata-kata Bapa Suci Fransiskus pada tahun 2021: "Menawarkan orang-orang awam dari kedua-dua jantina dapat mempromosi pelayanan alkitab dan lektor, berdasarkan materi mereka melalui pembaptisan imam akan meningkatkan lagi penghayatan mereka dalam pelayanan liturgi.

Semoga usaha dan dedikasi bersama kami terus memberi inspirasi dan menyokong satu sama lain ketika kita berusaha ke arah masa depan yang penuh harapan. Terima kasih atas komitmen anda yang teguh.

Dalam Kristus,

  
+Yang Amat Mulia Rev Julian Leow  
Beng Kim, D.D.

Uskup Agung Kuala Lumpur

April 8, 2025

## Novena Bonda Maria Pengurai Simpul

Sto Ireneus dari Lyon seorang Bapa Gereja pada abad kedua menulis tentang dasar devosi Bonda Maria Pengurai Simpul.

Katanya, "Simpul ketidaktaatan Hawa dileraikan oleh ketaatan Maria kerana apa yang telah Hawa ikat seketika melalui ketidakpercayaannya, inilah yang dilepaskan oleh Perawan Maria melalui iman."

Dalam Kitab Suci, Sto Paulus membandingkan ketidaktaatan Adam dengan ketaatan Kristus, Sang Adam Baharu. Demikian pula, Sto Ireneus dalam karyanya yang memiliki pengaruh besar iaitu *Against Heresies* (Melawan Ajaran Sesat), menggambarkan kisah paralel antara ketidaktaatan Hawa dengan kesetiaan dan ketaatan Maria, di mana simpul dosa dan maut dipatahkan.

Doa novena ini menjadi popular dan berkembang selama beberapa abad ini, dan yang terbaharu, ia juga menjadi devosi Sri Paus Fransiskus.



Mari kita lihat betapa uniknyanya devosi ini berkembang: Johann Melchior Georg Schmittndner (1625-1707) yang melukis

lukisan terkenal Bonda Maria Pengurai Simpul dengan gaya Barukh dengan penuh rahmat.

Dalam lukisan itu, Bonda Maria memegang pita dan meleraikan simpul dalam pita itu. Bonda Maria berada di Syurga, dikelilingi oleh para malaikat dan berdiri atas bulan sabit sambil menghancurkan kepala ular (Iblis). Roh Kudus melalui gambar seekor merpati yang terbang atas kepalanya.

Melalui kesederhanaan dan keindahan yang menakjubkan dari lukisan itu, menjadi salah satu alasan mengapa ramai orang tertarik melakukan devosi ini. Mulai pada tahun 1700, lukisan ini dihormati di Gereja Sto Petrus di Perlach (Augsburg, Jerman).

Anda boleh memuat turun devosi ini pada laman web ini <https://terangiman.com/wp-content/uploads/2019/06/terangiman.com-doa-bunda-maria-pengurai-simpulrev1.1.pdf>. Aleteia

PENULIS BERKICAU

## Salib Katolik Malaysia dan PPWS

Pelancaran Perjalanan Salib Katolik Malaysia yang dilancarkan di Katedral Sacred Heart pada April 3 lalu benar-benar bermakna dan saya pasti ramai yang tersentuh hati melihat sembilan Salib itu diberkati lalu dibawa ke sembilan Keuskupan/Agung di Malaysia.

Sejujurnya, setiap kali memandangi salib, ramai yang menyatakan bahawa ia peristiwa yang tragis, peristiwa yang tidak adil apabila Yesus yang tidak berdosa dihukum mati secara kejam oleh orang Romawi atas dorongan dari para pemimpin agama Yahudi.

Namun, Paulus membantu menyingkap tirai sehingga kita dapat melihat hal yang tersembunyi dari mata manusia.

Dalam suratnya kepada umat di Kolose, rasul itu menyatakan, "Walaupun dahulu kamu mati dalam pelanggaran-pelanggaranmu dan dalam kedaginganmu yang tidak bersunat, Tuhan membuat hidup bersama-sama dengan Dia sesudah Ia mengampuni semua pelanggaran kita.

Dia telah membatalkan surat utang dan aturan-aturan tuntutan yang menghalangi hubungan antara Tuhan dan kita. Dia telah mengambilnya dengan memakukannya di atas kayu salib. Dia melucuti para pemerintah dan penguasa, lalu menjadikan mereka tontonan yang memalukan oleh kerana kemenangan-Nya di atas kayu salib (Kolose 2:13-15)

Kematian Yesus di kayu salib merupakan kejutan bagi orang-orang pada zaman itu. Kemenangan-Nya di atas kayu salib merupakan kejutan bagi para penguasa yang bertanggung jawab telah menempatkan-Nya di sana (1 Korintus 2:8).

Sesungguhnya, nyawa Yesus kelihatannya diragut tetapi kenyataannya, Dia telah menyerahkannya untuk kita (Yohanes 10:17-18).

Dilihat dari sudut pandang manusia, kematian Yesus adalah sebuah kekalahan. Namun, pada kenyataannya, di kayu salib Yesus telah mengalahkan kuasa kejahatan!

Selepas Pelancaran Perjalanan Salib Katolik Malaysia, apa lagi aktiviti kita? Salib Katolik Malaysia tidak terhenti di Katedral Sacred Heart Kota Kinabalu tetapi berjalan aktif di setiap pelusuk negeri di Malaysia.

Dan bagi wilayah Sabah, ada sebuah lagi acara besar yang akan berlaku iaitu Perhimpunan Pastoral Wilayah Sabah (PPWS) pada Mei 11-13 ini di katedral di mana Salib Katolik Malaysia dilancarkan.

Penyertaan para perwakilan ke PPWS pada bulan Mei ini sangat berharga untuk persiapan menghadiri sebuah lagi perhimpunan besar iaitu Konvensi Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026).

Saya juga teruja untuk mengikuti perkembangan PPWS ini kerana secara eksklusif bakal perwakilan PPWS akan menyaksikan Pelancaran Perjalanan Salib Malaysia pada hari terakhir PPWS!

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada [liza@herald.com.my](mailto:liza@herald.com.my) atau

WhatsApp: 011-26391498



**UNTUK PENGGUNAAN TEKNOLOGI BAHARU:**  
Marilah kita berdoa agar penggunaan teknologi baharu tidak akan menggantikan hubungan sesama manusia, menghormati maruah orang tersebut, dan akan membantu kita menghadapi krisis zaman kita.

## Minyak suci, sumber kekuatan rohani setiap peringkat kehidupan

PULAU PINANG: Semasa Misa Krisma di Keuskupan Pulau Pinang yang dirayakan di Katedral Roh Kudus, Pulau Pinang pada April 8, Kardinal Sebastian Francis mengatakan bahawa kata 'Krisma' berasal dari bahasa Yunani yang bermaksud 'yang diurapi.'

"Oleh sebab itu, semasa Misa Krisma kita mempunyai pembaharuan janji para paderi, pemberkatan tiga minyak suci iaitu minyak untuk Katekumen, minyak Krisma dan minyak untuk Orang Sakit," jelas Kardinal Sebastian.

Prelatus itu menerangkan bahawa Minyak untuk Katekumen melambangkan minyak keselamatan, secara simbolik digunakan semasa

pembaptisan. Semasa pembaptisan, paderi, diakon atau uskup menyatakan, "Kami mengurapi anda dengan minyak keselamatan..." Minyak ini mewakili permulaan perjalanan rohani, memberikan kekuatan dalam iman dari masa bayi hingga dewasa.

Minyak Krisma merupakan minyak suci yang penting kerana ia mewakili umat yang diurapi sebagai paderi, nabi dan raja melalui pembaptisan dan juga digunakan semasa penguatan.

Minyak Krisma juga digunakan semasa pentahbisan paderi dan uskup serta digunakan untuk mengurapi mezbah dan menguduskan Gereja-gereja baharu, berfungsi sebagai simbol fizikal masyarakat



iman.

Pengurapan orang sakit adalah ritual di mana minyak orang sakit

membawa penghiburan dan kekuatan semasa penderitaan. Paderi menyatakan doa penyembuhan dan

sokongan, menjemput rahmat Roh Kudus atas individu yang sakit. Tindakan ini melambangkan hubungan erat komuniti beriman iaitu dengan menyokong serta prihatin dengan orang-orang sakit.

Minyak-minyak suci ini adalah unsur-unsur penting dalam kehidupan paderi, mengingatkan masyarakat bahawa semua orang termasuk dalam rahmat Tuhan, tanpa mengira keadaan mereka dalam kehidupan.

Kardinal Sebastian mengatakan Misa Krisma juga meraikan kuasa Roh Kudus yang memperkasakan iman umat, terutama melalui pelayanan sakramen para diakon, paderi dan uskup.



### Bawa pengampunan Tuhan kepada umat

KUALA LUMPUR: Seramai 65 paderi di Keuskupan Agung Kuala Lumpur merayakan Misa Krisma pada April 8 lalu di Gereja Sacred Heart. Turut hadir dalam Misa Krisma itu ialah Nunsio Apostolik, Uskup Agung Wojciech Zaluski dan Uskup Agung Emeritus, Murphy Pakiam.

Uskup Agung Julian Leow, selebrant utama Misa Krisma memberitahu umat bahawa pada sebelah pagi, para klerus berhimpun dan membincangkan mengenai keluarga.

"Dalam Misa Krisma ini, para paderi berkumpul di sini untuk memperbaharui janji-janji yang mereka pernah lafazkan semasa pentahbisan mereka," kata Uskup Agung Julian.

Prelatus itu mengatakan bahawa

dalam pembacaan pertama, "Nabi Yesaya memberitahu kita bahawa kita telah diurapi untuk membawa Berita Baik dan kita juga dipanggil untuk memberikan pelayanan kepada orang miskin, membawa kebebasan kepada tawanan dan mereka yang terperangkap dalam lingkaran dosa."

Kepada para paderi, Uskup Agung Julian mengingatkan mereka akan kata-kata Sto Yohanes Maria Vianney "Kita sebagai paderi instrumen Tuhan untuk membawa pengampunan Tuhan dan penyembuhan Tuhan kepada umat. Para paderi mempunyai keistimewaan iaitu menjadi wakil Tuhan untuk melayani mereka yang lemah. Marilah kita menghargai hadiah imamati ini."

## Diosis Miri, raya Misa Krisma dan perjalanan Salib

MIRI: Sebelum pembaharuan janji paderi pada Misa Krisma di Keuskupan Miri, Uskup Richard Ng meminta umat untuk menahan diri daripada bergosip tentang para paderi, sebaliknya berdoa untuk mereka.

Pada tahun ini, Misa Krisma di Keuskupan Miri pada April 9 lalu, turut menyaksikan Pelancaran Perjalanan Salib yang diadakan pada permulaan Misa Krisma, di Katedral St Joseph.

Misa ini juga disertai lima orang paderi dari Vikariat Brunei.

Semasa menyampaikan homilinya, Uskup Richard Ng berkata bahawa perkataan kata 'Krisma' yang berasal dari perkataan Yunani 'Christos' yang bermaksud "yang diurapi."

Prelatus itu mengatakan bahawa nubuat Yesaya dalam pembacaan pertama telah dinyatakan kira-kira 500 tahun sebelum Kristus, yang adalah tentang kedatangan orang yang diurapi khas, yang akan mem-



bawa khabar baik kepada orang miskin, mewartakan kebebasan kepada para tawanan, pandangan baharu kepada orang buta, yang diperlukan oleh Tuhan, telah dipenuhi oleh Yesus ketika datang ke Sinagoga di Nazareth. Dia adalah pemenuhan nubuatan, Yang Diurapi oleh Tuhan.

Uskup Richard menegaskan bahawa Kristus bukan satu-satunya yang diurapi sepanjang sejarah Gereja. Terdapat ramai yang diurapi oleh Roh Kudus untuk mewartakan misi Kristus. Melalui pembaptisan semua umat juga telah diurapi

dengan minyak Krisma.

Tegasnya, orang yang diurapi bukanlah satu keistimewaan tetapi tanggungjawab, panggilan, untuk berkongsi dan meneruskan misi Kristus.

Bapa Uskup mengatakan bahawa para paderi telah diurapi oleh Kristus untuk berkongsi melalui pelayanan imamatnya.

Prelatus itu menyeru para paderi agar menjadi berita baik kepada sesama, memaafkan dosa-dosa, memberikan contoh yang baik dan tidak menyangkal diri mereka sendiri.

KOTA KINABALU: Misa Krisma, perayaan liturgi penting apabila minyak suci diberkati untuk digunakan dalam pelayanan sakramen sepanjang tahun. Ia juga merupakan momen pembaharuan janji imamati.

Di Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Misa Krisma disambut pada April 12, di Katedral Sacred Heart.

Peraya utama, Uskup Agung John Wong mengingatkan umat berian tentang peranan penting mereka meneruskan misi yang telah Yesus percayakan kepada kita.

"Malam ini," kata Uskup Agung John, "ketika kita berkumpul di sini, adalah baik untuk bertanya kepada diri sendiri mengapa kita berada di sini dan apakah tujuan Misa Krisma ini?"

Kemudian, Uskup Agung John mengajak umat mengimbas kembali pembacaan Injil

Lukas, apabila Yesus menjelaskan pelayanan-pelayanan-Nya.

Prelatus itu mengatakan, pelayanan Yesus seperti memberitakan pembebasan kepada orang-orang tawanan, penglihatan bagi orang-orang buta, untuk membebaskan orang-orang yang tertindas — merupakan visi Ilahi yang harus diteruskan oleh paderi sambil dibantu oleh umat beriman.

Selepas homili dan para klerus melafazkan pembaharuan komitmen imamati, Uskup Agung John memberkati dan menguduskan minyak Orang Sakit, minyak Krisma dan minyak untuk Katekumen yang dibawa oleh Fr Bradley Belly, Fr Sylvester Wong dan Fr Jerry Joseph.

## Umat harus bantu paderi teruskan misi Ilahi

